



Kuala Lumpur

Untuk Siaran Segera

## **FIREFLY MEMBERI PENGHORMATAN KEPADA ULANG TAHUN KE-50 NEGARA**

Sememangnya pelbagai cara kita boleh menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia. Mengadakan parti, mengimbuai kembali kenangan indah atau apa sahaja yang menghiburkan anda!

Namun kami di Firefly mempunyai satu cara yang menjadi pilihan utama, dan anda hanya memerlukan 50 sen untuk melakukannya!

Firefly, yang berkonsep 'syarikat penerbangan komuniti' (*community airline*) yang pertama di Malaysia, kini memberi peluang kepada anda untuk meraikan ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia - di awan biru!

Hanya dengan 50 sen\*, anda boleh terbang dari Pulau Pinang ke Langkawi, Kuantan, Terengganu, Kota Bharu, Phuket dan Koh Samui. Inilah caranya Firefly mengucapkan '*Terima Kasih Malaysia!*'

"Sejak pelancaran kami pada bulan April tahun ini, kami telah menerima sokongan dan galakan hebat daripada rakyat Malaysia, dan kami berpegang kepada falsafah untuk senantiasa memupuk and menjalin hubungan mesra dengan penumpang kami. Jadi, apa lagi cara yang lebih baik untuk meraikan hari ulang tahun Malaysia selain daripada menjadikan penerbangan kami lebih mudah dan lebih murah untuk dinikmati oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira pendapatan, umur dan kaum," kata Eddy Leong, Pengarah Urusan FlyFirefly Sdn Bhd.

"Bertepatan sekali dengan visi kami sebagai sebuah 'syarikat penerbangan komuniti' Malaysia, ini merupakan peluang terbaik bagi rakyat Malaysia untuk berkumpul, tidak kira sama ada dengan teman, keluarga, rakan sekerja ataupun sekadar rakan senegara. Marilah kita bersama-sama mengajukan ucapan selamat, *Untukmu Malaysia, Selamat Ulang Tahun Kemerdekaan yang ke-50.*"

Jadi kemaskan beg anda, jangan lupa akan Jalur Gemilang dan naiklah pesawat Firefly untuk sama-sama meraikan Ulang Tahun Jubli Malaysia di awan biru! Tawaran ini eksklusif untuk tempahan melalui internet sahaja. Layarilah [www.fireflyz.com.my](http://www.fireflyz.com.my) hari ini.

Tempoh perjalanan: 2 Ogos 2007 hingga 29 Mac 2008

Tempoh tempahan: 1 Ogos 2007 hingga 31 Ogos 2007

\* *Terma-terma dan syarat-syarat dikenakan.*